

## 22- Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing.<sup>601</sup>

<sup>601</sup> Apakah maksud bukhari mengadakan bab ini dan apakah kaitannya dengan bab masjid? Para pensyarah Sahih Bukhari telah memberikan pandangan masing-masing mengenainya. Antara lainnya ialah untuk menyatakan: (1) Keharusan bersembahyang di kandang kambing. (2) Keelokan bersembahyang di situ berbanding di tempat-tempat lain. (3) Air kencing kambing dan tahinya tidak najis. (4) Pendapat Syafi'e yang mengatakan makruh bersembahyang di kandang kambing kecuali ia bersih daripada air kencing dan tahinya adalah marjuh (tidak kuat daripada segi dalilnya). (5) Binatang-binatang itu tidak sama kedudukannya. Ada yang dilarang kita bersembahyang di kandangnya seperti unta dan ada juga yang tidak, malah disuruh kita bersembahyang di kandangnya seperti kambing. Hakikat ini dapat dilihat di dalam satu hadits Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Jabir bin Samurah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *صَلُّوا فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ وَلَا تُصَلُّوا فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ* Bermaksud: Bersembahyanglah kamu di kandang-kandang kambing. Jangan kamu bersembahyang di kandang-kandang unta. Justeru Rasulullah s.a.w. juga telah menyebutkan sebabnya dalam satu sabdanya yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Abi Syaibah daripada Baraa' bin 'Aazib r.a, katanya:

*سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوُضْوءِ مِنْ لَحُومِ الْإِبِلِ فَقَالَ تَوَضَّئُوا مِنْهَا وَسَبِّحْ عَنْ لَحُومِ الْغَنَمِ فَقَالَ لَا تَوَضَّئُوا مِنْهَا وَسَبِّحْ عَنْ الصَّلَاةِ فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ فَقَالَ لَا تُصَلُّوا فِي مَبَارِكِ الْإِبِلِ فَإِنَّهَا مِنَ الشَّيَاطِينِ وَسَبِّحْ عَنْ الصَّلَاةِ فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ فَقَالَ صَلُّوا فِيهَا فَإِنَّهَا بَرَكَةٌ*

Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. pernah ditanya tentang keperluan berwudhu' kerana memakan daging unta. Jawab baginda s.a.w: "Berwudhu'lah apabila kamu memakannya. Beliau ditanya (lagi) tentang keperluan berwudhu' kerana memakan daging kambing. Maka jawab beliau: Tidak perlulah kamu berwudhu' kerananya. Rasulullah s.a.w. (seterusnya) ditanya tentang bersembahyang di kandang-kandang unta. Jawab baginda: Jangan kamu bersembahyang di kandang unta kerana ia seperti syaitan (suka mengganggu dan boleh menyakiti manusia). Baginda s.a.w. (juga) pernah ditanya tentang bersembahyang di kandang-kandang kambing. Maka Beliau s.a.w. menjawab: Bersembahyanglah kamu di kandang kambing kerana ia membawa berkat." (6) Tapak masjid Nabi s.a.w. itu dulu, sebahagiannya adalah kandang kambing. Setelah diratakan dan dibersihkan, Nabi s.a.w. selalu juga bersembahyang di situ sebelum masjid didirikan. Jadi maksud kata-kata Anas: "Nabi s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing." itu sebenarnya mengambil kira kedudukan asalnya (باعتبار ما كان). Anas sesungguhnya telah menggunakan qaedah majaz mursal di dalam riwayat di atas. Keterangan Anas seterusnya lebih menjelaskan lagi fakta ini apabila beliau berkata: "Baginda s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing sebelum masjid dibina." Ia sama sekali tidak bererti Rasulullah s.a.w. sengaja memilih kandang kambing yang penuh dengan air kencing dan tahinya utk bersembahyang. Ia juga sama sekali tidak bererti bahawa Nabi s.a.w. menganggap kandang kambing adalah tempat yang lebih baik daripada tempat-tempat lain utk seseorang mengerjakan sembahyang. Tetapi ia tetap lebih baik daripada kandang unta atau tempat-tempat lain seumpamanya. (7) Bagi penulis, bermula daripada bab 22 ini hingga ke bab 29, bukhari mahu membicarakan tentang masjid dalam erti katanya yang lebih luas iaitu tempat-tempat yang boleh dijadikan sebagai tempat sujud (مسجد) atau tempat sembahyang. Bab ke dua puluh sembilan dengan terang mendedahkan maksud bukhari dengan beberapa bab ini. Kesimpulannya ialah bumi ini dijadikan untukku (kata Nabi s.a.w.) sebagai masjid (tempat sembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci. Perbuatan Nabi s.a.w. sendiri bersembahyang di kandang kambing dan suruhannya supaya orang lain juga bersembahyang di kandang kambing tidak lebih daripada menyatakan kandang kambing juga boleh dijadikan tempat sembahyang kerana ia juga merupakan sebahagian daripada bumi yang tidak dikecualikan oleh Beliau s.a.w. Apa lagi kambing pada umumnya adalah sejenis binatang yang jinak, ditenak oleh para nabi a.s, tidak bersifat menyerang dan mengganggu sehingga boleh meghilangkan khusyu' orang yang bersembahyang dan banyak lagi kesesuaian dan keserasiannya dengan orang-orang yang bersembahyang. Soal air kencing dan tahinya, itu boleh diatasi dengan memilih tempat atau ruang yang bersih di kandangnya itu. Ia juga boleh diatasi dengan menghamparkan sesuatu pelapik di atasnya. Jika diambil kira pendapat golongan yang mengatakan air kencing dan tahinya (termasuk air kencing dan tahi binatang-binatang lain yang halal dimakan) tidak najis, lebih-lebih lagilah tiada halangan untuk seseorang bersembahyang di kandang kambing. Menerusi bab-bab ini imam bukhari mahu menjelaskan bahawa seseorang harus (boleh) bersembahyang di sesetengah tempat meskipun ia kelihatan kurang bersih. Manakala di sesetengah tempat yang lain pula dilarang atau makruh dia bersembahyang, kerana di situ terdapat sesuatu seperti berhala, patung dan sebagainya walaupun ia kelihatan bersih. Bagaimanapun sembahyang tetap sah jika dikerjakan di tempat-tempat itu.

٤١١ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ ثُمَّ سَمِعْتُهُ بَعْدُ يَقُولُ كَانَ يُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ قَبْلَ أَنْ يُنْشَأَ الْمَسْجِدُ

411- Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada Abi at-Tayyah daripada Anas bin Malik, katanya: “Nabi s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing.” Kemudian aku (Abu at-Tayyah) mendengar beliau (Anas) berkata: “Baginda s.a.w. selalu bersembahyang di kandang kambing sebelum dibina masjidnya.”

### بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَوَاضِعِ الْإِبِلِ

## 23- Bab Bersembahyang Di Tempat-Tempat Unta (Berada).<sup>602</sup>

<sup>602</sup> Tiga perkara sekurang-kurangnya perlu diambil kira untuk memahami tajuk bab di atas. Ketiga-tiganya memang merupakan metodologi Bukhari dalam penyusunan tajuk-tajuk bab di dalam Sahihnya. **Pertama:** Kenapa Bukhari tidak menggunakan perkataan-perkataan yang sememangnya tersebut di dalam hadits-hadits larangan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di tempat-tempat di mana unta berada. Kenapa beliau tidak menggunakan salah satu daripada perkataan-perkataan berikut ini: مبارك الإبل، أعطان الإبل، معاطن الإبل، مرابض الإبل، مناخ الإبل، مباءة الإبل، مرابض الإبل seperti tersebut di dalam riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Thabaraani, Ahmad, Thahaawi dan lain-lain? Beliau sebaliknya menggunakan perkataan مواضع الإبل yang tidak tersebut di dalam mana-mana hadits pun! **Kedua:** Kenapa Bukhari membuat bab ini secara terbuka tanpa memutuskan apa-apa hukum tentangnya? **Ketiga:** Kenapa Bukhari meletakkan bab ini selepas باب الصلاة في مرابض الغنم (Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing) yang juga disebutnya secara terbuka? **Beberapa jawapan telah diberikan** oleh para pensyarah Sahih Bukhari untuk merungkai kemusykilan pertama. Antaranya ialah: (1) Perkataan مواضع الإبل merangkumi semua erti perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits. مبارك الإبل ialah tempat duduk unta. أعطان الإبل dan معاطن الإبل ialah tempat duduk unta ketika pergi ke sumber air untuk minum. مرابض الإبل ialah tempat di mana unta dikurung atau kandang unta. مناخ الإبل ialah tempat duduk unta di mana-mana saja. مباءة الإبل ialah tempat unta kembali atau berlindung. مرابض الإبل pula ialah tempat unta berehat. Bagi Bukhari perkataan-perkataan yang berbeza-beza itu sebenarnya menunjukkan semua tempat di mana unta berada مواضع الإبل, tidak kira sama ada di kandangnya atau di lain-lain tempat. Jika dipilih salah satu perkataan yang tersebut di dalam hadits, mungkin akan difahami larangan itu khusus dengannya sahaja. Sebab larangan Nabi s.a.w. daripada bersembahyang di tempat-tempat unta berada itu bukanlah kerana air kencing dan tahinya najis tetapi kerana besar kemungkinan akan ada gangguan daripada unta yang bersifat suka mengganggu dengan menggigit, merempuh dan sebagainya sehingga menghilangkan khushyuh orang yang bersembahyang. (2) Perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits seperti yang dibentangkan di atas tadi, walaupun sahih tetapi semuanya tidak tersebut di dalam hadits sahih yang menepati syariatnya. Kerana itulah Bukhari menyebutkan satu perkataan lain yang merangkumi erti semua perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits itu. (3) Imam Bukhari tidak mengguna perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits-hadits tidak kerana lain melainkan kerana beradab dengan Rasulullah s.a.w. Beliau tidak suka menyanggah Baginda s.a.w. walaupun hanya pada zahir (معارضة صورية). Hadits-hadits itu jelas menyatakan larangan Nabi s.a.w. Atsar Ibnu `Umar di bawah bab ini pula menunjukkan keharusan bersembahyang dekat unta. **Berhubung dengan kemusykilan kenapa Bukhari** membuat bab ini secara terbuka tanpa memutuskan apa-apa hukum tentangnya. Jawapannya ialah oleh kerana para `ulama' berbeza pendapat tentang hukum bersembahyang di kandang unta dan masing-masing mereka mempunyai dalil yang kuat, maka Bukhari tidak mahu membuat apa-apa keputusan tentang hukumnya. Sikap Bukhari ialah menghormati kedua-dua belah pihak yang mempunyai dalil dan hujjah yang kukuh. Berikut ialah perincian mazahib `ulama' tentangnya: (1) Jumhur `ulama' termasuk Abu Hanifah, Syafi'e, Abu Yusuf, Muhammad dan lain-lain tokoh berpendapat, bersembahyang di kandang unta adalah harus jika ia bersih. Mereka berpegang dengan hadits Nabi s.a.w. yang bermaksud: “Bumi ini dijadikan untukku sebagai masjid (tempat

sembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci.” Oleh itu tidak ada perbezaan di antara kandang kambing dan kandang unta atau tempat-tempat lain di bumi ini selagi ia bersih. Kalau ada pun larangan bersembahyang di kandang unta, tidaklah ia kerana semata-mata kandang unta tanpa ada sebab-sebab yang lain. Justeru apabila diteliti, anda tentu akan mendapati sebab-sebab lain yang membawa kepada larangan Rasulullah s.a.w. itu. (2) Hasan Bashri, Abu Tsaur, Ishaq dan Ahmad dalam salah satu riwayat daripadanya berpendapat makruh bersembahyang di kandang unta. (3) Ibnu Hazam, Ahlu az-Zahir dan Ahmad dalam riwayat yang masyhur daripadanya berpendapat sembahyang yang dikerjakan di kandang unta atau di tempat yang disediakan khusus untuk unta adalah haram dan tidak sah kerana adanya larangan daripada Nabi s.a.w. (4) Hafiz Badariuddin Al-‘Aini berkata: “Syafi’e dan jumhur ‘ulama’ memahami larangan Rasulullah s.a.w. daripada bersembahyang di kawasan unta duduk dekat sumber air minumnya (معطن الإبل) atau lain-lain tempat yang khusus untuk unta itu sebagai makruh jika ada pelapik yang menghalang air kencing atau tahi unta mengenai orang yang bersembahyang. Adapun dalam keadaan tidak ada pelapik atau penghalang, maka sembahyangnya tidak sah.” (5) As-Sindi berpendapat, sembahyang yang dilarang di dalam hadits Nabi s.a.w. hanyalah di معطن atau di kawasan unta duduk dekat sumber air minumnya. Bagi as-Sindi, Bukhari cuba membezakan di antara sembahyang dengan menghadap kepada unta (الصلاة إلى الإبل) di tempat yang bukan dikhususkan untuknya seperti tersebut di dalam hadits di bawah bab ini dengan sembahyang di kawasan unta duduk dekat sumber air minumnya (الصلاة في معطن الإبل) atau di lain-lain tempat yang dikhususkan untuknya. Bersembahyang di tempat yang tidak dikhususkan untuk unta adalah harus berdasarkan hadits di bawah bab ini. Manakala di tempat-tempat yang khusus untuk unta pula adalah dilarang berdasarkan banyak hadits-hadits yang lain. **Jawapan kepada soalan** kenapakah Bukhari meletakkan bab ini selepas مَرَايِضُ الْغَنَمِ (Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing) yang juga disebutnya secara terbuka ialah: (1) Sama ada beliau mahu menyatakan kesamaan hukumnya atau hukumnya adalah berbeza. Menurut kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari, dengan mengadakan bab dalam keadaan tersusun seperti ini Imam Bukhari sebenarnya mahu menyatakan keharusan bersembahyang pada kedua-dua kandang kambing dan kandang unta. Ini kerana beliau mengemukakan atsar Ibnu ‘Umar yang jelas menunjukkan keharusan bersembahyang dekat unta. Bagi beliau, tak kisahlah sama ada dekat unta itu berma’na dekat dengan unta di luar kandangnya atau di dalam kandangnya. Berdasarkan pandangan kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari itu bererti Imam Bukhari sependapat dengan jumhur ‘ulama’ dalam masalah ini. Pada pandangan as-Sindi, maksud Bukhari mengadakan bab dalam keadaan tersusun seperti ini ialah untuk menyatakan perbezaan hukumnya. Di kandang kambing harus. Di kandang unta pula tidak harus. Hadits di bawah bab ini hanya menunjukkan harus bersembahyang dengan menghadap kepada unta atau menjadikannya sebagai sutrah (penghadang). Ia sama sekali tidak menunjukkan keharusan bersembahyang di kandang unta. Bagaimana sembahyang di kandang unta akan dikatakan harus dalam keadaan Rasulullah s.a.w. sendiri telah melarang bersembahyang di dalamnya? Kalau tidak haram pun, paling tidak ia makruh. Jika pandangan as-Sindi itu diterima, maka ia bererti Bukhari sependapat dengan Ahmad dan Ahlu az-Zahir dalam masalah ini. (2) Tujuan Bukhari mengadakan dua bab ini dalam keadaan tersusun seperti di atas tanpa membuat sebarang keputusan mengenai hukumnya ialah kerana bagi beliau kedua-dua pihak yang berbeza pendapat dalam masalah ini mempunyai alasan dan dalil yang kuat. Ahmad dan Ahlu az-Zahir berpegang dengan hadits-hadits Jabir bin Samurah, Baraa’ dan lain-lain sahabat yang menyatakan suruhan Nabi s.a.w. supaya bersembahyang di kandang kambing dan larangan Beliau s.a.w. daripada bersembahyang di kandang unta atau di tempat-tempat lain yang khusus untuk unta. Jumhur ‘ulama’ pula berdalil dengan hadits Ibnu ‘Umar yang menampakkan keharusan bersembahyang dekat unta. **Pada pandangan penulis**, Imam Bukhari sebenarnya mahu menjelaskan maksud Rasulullah s.a.w. yang membezakan di antara sembahyang di kandang kambing dan di kandang unta. Maksud Baginda s.a.w. ialah kita boleh bersembahyang di tempat yang berdekatan dengan kambing atau lain-lain binatang jinak yang tidak bersifat suka menyerang dan suka mengganggu. Di tempat yang berdekatan dengan binatang-binatang seperti unta yang bersifat suka menyerang dan suka mengganggu pula kita dilarang Rasulullah s.a.w. bersembahyang, kerana ia akan menghilangkan khushu’ yang sangat dituntut di dalam sembahyang. Bagaimanapun tidak semestinya binatang-binatang yang pada umumnya lembut dan jinak itu sentiasa lembut dan jinak. Bukankah terdapat banyak sekali kambing yang suka menanduk orang? Begitu juga tidak semua unta bersifat suka menyerang dan suka mengganggu. Ada unta terlalu jinak, sangat baik dan sangat mengikut kehendak tuannya. Jadi maksud Rasulullah s.a.w. menyuruh bersembahyang di kandang kambing itu ialah semata-mata berdasarkan perangai dan tabi‘at kebiasaannya. Melarang bersembahyang di kandang unta itu juga semata-mata berdasarkan perangai kebiasaannya. Dalam keadaan perangai binatang berubah daripada keadaan asal dan kebiasaannya, tentu sekali hukumnya juga berubah. Rasulullah s.a.w. tentu tidak akan menyuruh orang bersembahyang dekat kambing yang suka menyerang dan menanduk, sama ada di dalam kandangnya atau di luar kandangnya. Rasulullah s.a.w. juga tentunya tidak akan melarang orang bersembahyang dekat unta yang jinak, terdidik, tidak suka menyerang dan sangat menurut kehendak tuannya.

٤١٢ - حَدَّثَنَا صَدَقَةُ بْنُ الْفَضْلِ قَالَ أَخْبَرَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَيَّانَ قَالَ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ قَالَ رَأَيْتُ ابْنَ عُمَرَ يُصَلِّي إِلَى بَعِيرِهِ وَقَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُهُ

412- Sadaqah bin al-Fadhl meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin Hayyaan meriwayatkan kepada kami, katanya: Ubaidullah meriwayatkan kepada kami daripada Naafi', katanya: "Saya telah melihat Ibnu 'Umar bersembahyang dengan menghadap kepada untanya dan beliau berkata: "Saya telah melihat Rasulullah s.a.w. melakukan demikian."<sup>603</sup>

بَابُ مَنْ صَلَّى وَقَدَّامَهُ تَنْوُرٌ أَوْ نَارٌ أَوْ شَيْءٌ مِمَّا يُعْبَدُ فَأَرَادَ بِهِ اللَّهُ وَقَالَ الزُّهْرِيُّ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
عُرِضَتْ عَلَيَّ النَّارُ وَأَنَا أُصَلِّي

24- Bab Orang Yang Bersembahyang Dalam Keadaan Di Hadapannya Ada Tanur (Ketuhar) Atau Api Atau Sesuatu Yang Disembah, Tetapi Dia Bersembahyang Kerana Allah.<sup>604</sup> Zuhri

Justeru beliau sendiri telah bersembahyang dengan menghadap kepada unta seperti kata Ibnu 'Umar di dalam hadits di atas. Beliau juga sering bersembahyang sunat di atas belakang unta ketika dalam perjalanan. Ini semua menunjukkan bukan diri kambing atau unta itu semata-mata yang menentukan hukum. Bukankah kedua-duanya adalah binatang yang halal dimakan? Kalau begitu sesuatu yang lain sebenarnya yang mempengaruhi hukumnya sama ada boleh atau tidak, sama ada harus atau tidak.

<sup>603</sup> Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan bersembahyang dengan menghadap ke arah binatang. (2) Keharusan bersembahyang dekat unta yang jinak dan tidak liar. (3) Seseorang yang bersembahyang boleh menjadikan unta atau lain-lain kenderaannya sebagai sutrah. (4) Apa yang diamalkan oleh para sahabat biasanya bersandarkan kepada perbuatan Nabi s.a.w. (5) Mengajar secara praktikal lebih meyakinkan pelajar dan murid.

<sup>604</sup> Daripada perbincangan kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari dapat diketahui dua maksud beliau r.a. mengadakan bab ini. **Pertama:** Sembahyang orang yang bersembahyang dengan ikhlas kerana Allah dalam keadaan ada di hadapannya sesuatu yang disembah oleh mana-mana golongan manusia adalah sah tanpa sebarang makruh. Terutamanya apabila sesuatu yang disembah itu tidak jelas diletakkan di hadapan sebagai bahan sembah, malah ia mungkin diletakkan atau terletak di hadapan untuk tujuan-tujuan dan faedah-faedah yang lain seperti untuk mendapat cahayanya dan sebagainya. Seseorang masyarakat tidak tahu-menahu pun tentang ketuhar, api, obor, bara api, gambar atau replika pokok-pokok dan objek-objek lain yang memang disembah oleh orang-orang atau masyarakat tertentu itu merupakan bahan sembah bagi segolongan manusia. Mereka mengambilnya hanya sebagai perhiasan semata-mata atau kedudukannya yang terletak di hadapan orang yang bersembahyang itu hanya secara kebetulan sahaja, maka dalam keadaan ini sembahyang seseorang itu lebih-lebih lagi tidak akan terjejas kerananya. **Kedua:** Imam Bukhari bermaksud menolak pendapat Hanafiyyah, Hanaabilah dan tokoh-tokoh seperti Ibnu Sirin, Sufyan dan lain-lain dari kalangan salaf yang berpendapat makruh bersembahyang dengan menghadap ke arah ketuhar, api atau lain-lain objek sembah orang-orang kafir yang terletak di sebelah qiblat. Alasan Imam Bukhari ialah Rasulullah s.a.w. sendiri pernah nampak api neraka yang ditunjukkan oleh Allah kepadanya ketika sedang bersembahyang. Apakah sembahyang Baginda s.a.w. dan para sahabatnya telah jadi makruh dan terjejas kerananya? Tentu sekali tidak. Kerana Allah tidak akan membiarkan rasulNya mengerjakan sesuatu sembahyang dalam keadaan makruh. Keadaan seperti itu pula tidak berlaku sekali dua kepada Beliau s.a.w. Ia malah telah berlaku beberapa kali dalam sejarah hidupnya.

*Berkata: Anas Bin Malik Meriwayatkan Kepadaku, Katanya: Nabi S.A.W. Bersabda: "Ditunjukkan Kepadaku Api Neraka Ketika Aku Sedang Bersembahyang."*<sup>605</sup>

<sup>605</sup> Hadits Anas yang dikemukakan secara ta'liq oleh Bukhari ini adalah secebis daripada hadits yang panjang. Di dalamnya tersebut: Setelah tergelincir matahari, Nabi s.a.w. bersembahyang Zuhur. Kemudian beliau menaiki mimbar lalu menyebutkan tentang kiamat. Kemudian bersabda: "Sesiapa yang mahu bertanya tentang sesuatu, tanyalah." Di akhirnya tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Baru tadi ditunjukkan kepadaku syurga dan neraka di sebelah dinding ini. Tidak pernah kulihat baik dan buruk seperti yang kulihat hari ini." Bukhari sendiri nanti akan mengemukakan hadits ini dengan lengkap di dalam باب وقت الصلاة عند الزوال. Sebahagiannya telah pun dikemukakan oleh beliau di dalam كتاب العلم yang lalu. Di dalam كتاب الفتن Bukhari akan mengemukakan riwayat yang sama mafhumnya dengan riwayat ini daripada Qataadah daripada Anas. Di dalam باب رفع البصر إلى الإمام في الصلاة Bukhari mengemukakan hadits ini menerusi hadits Fulaih, katanya, Hilal bin 'Ali meriwayatkan kepada kami daripada Anas, katanya: Pernah Rasulullah s.a.w. menjadi imam kepada kami. Kemudian Beliau s.a.w. menaiki mimbar lalu mengisytarkan dengan tangannya ke arah qiblat sambil bersabda: "Baru sekejap, ketika aku menjadi imam kepadamu, aku nampak syurga dan neraka terpampang (tergambar) di dinding qiblat ini. Tidak pernah kulihat baik dan buruk seperti hari ini." Rasulullah s.a.w. berkata begini (tidak pernah kulihat baik dan buruk seperti hari ini) tiga kali. Hadits ini dan hadits-hadits lain seumpamanya yang dijadikan dalil oleh Bukhari untuk membuktikan kebenaran da'waannya. Tetapi al-Isma'ili dan orang-orang yang sependapat dengannya membantah dalil yang dikemukakan Bukhari itu. Bagi mereka dalil yang dikemukakan itu langsung tidak ada kena-mengena dengan apa yang dida'wa. Berikut ialah beberapa alasan bantahan mereka: (1) Di mana ada persamaan antara api neraka yang ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. itu dengan api yang dijadikan sembah oleh orang-orang majusi? Hukum orang yang ditunjukkan api neraka (Rasulullah s.a.w.) untuk mengingatkan dan mengancam umatnya tentu tidak sama dengan hukum orang yang sengaja meletak api di hadapannya untuk disembah. Demikian juga tidak sama hukumnya dengan hukum orang yang membiarkan sesuatu sembah manusia seperti api berada di hadapan qiblatnya ketika sedang bersembahyang. (2) Hukum makruh hanya berlaku apabila seseorang yang bersembahyang sengaja menghadap api atau tanur. Berbeza dengan nabi s.a.w, Baginda s.a.w. bukan dengan sengaja menghadap api itu. (3) Api yang ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. itu adalah api neraka, sedangkan api yang disembah dan yang dihukum makruh kita menghadapnya ketika bersembahyang itu ialah api di dunia ini. (4) Api yang ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. itu ialah api dari alam ghaib. Ia tidak bersangkut paut langsung dengan hukum di alam musyahadah ini. Kerana itulah para 'ulama' mengatakan tidak boleh dijadikan dalil perbuatan Jibril menggunakan bekas emas dalam peristiwa pembedahan dada Rasulullah s.a.w. sebelum Israa' Mi'raj, untuk mengharuskan penggunaan bekas-bekas emas di dunia ini. (5) Bagaimana hukum menghadap api ketika bersembahyang tidak makruh sedangkan hukum bersembahyang ketika matahari sedang naik dan sedang terbenam pula makruh menurut ijma' walaupun ia dikerjakan dengan ikhlas kerana Allah s.w.t.? Bukankah kerana ia menyerupai orang-orang kafir yang menyembah matahari? Kalau begitu wajarlah hukum orang yang bersembahyang dengan menghadap api itu juga makruh kerana ia menyerupai orang-orang majusi. (6) Api di dunia ini yang dikatakan makruh kita menghadapnya ketika bersembahyang itu sama sekali tidak boleh diqiaskan dengan api yang ditunjukkan kepada Nabi s.a.w. ketika sedang bersembahyang, kerana ia di luar ikhtiar dan pilihan Baginda s.a.w. (7) Mungkin juga api yang kelihatan kepada Nabi s.a.w. itu sebenarnya bukan berada di hadapan tetapi di belakang Beliau s.a.w. Maka pada hakikatnya Rasulullah s.a.w. tidak menghadap pun api itu. Oleh kerana Beliau s.a.w. nampak apa-apa yang berada di belakangnya sama seperti nampak apa-apa yang berada di hadapannya, khususnya ketika bersembahyang, benar juga jika dikatakan: "Ditunjukkan kepadaku neraka ..." Tetapi tidak semestinya apa yang ditunjukkan itu sebenarnya berada di hadapan beliau. Bagi Bukhari seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kewujudan api, pelita, lampu, obor, ketuhar, bara api, relau dan sebagainya di sebelah qiblat seseorang yang bersembahyang dengan tidak disengajakan dan diqashadkan itu ada persamaannya dengan api yang ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. di sebelah qiblat ketika beliau sedang bersembahyang. Bukankah apa yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. itu juga tidak disengajakan? Bukankah ketika Rasulullah s.a.w. nampak api itu, beliau tidak kisah pun tentang api yang disembah oleh orang-orang majusi. Mungkin tidak terlintas pun di hati Rasulullah s.a.w. api yang merupakan sembah orang-orang majusi itu pada ketika api neraka ditunjukkan kepada beliau! **Pada pendapat penulis**, ijtihad Bukhari dalam masalah ini lebih wajar diterima memandangkan api, ketuhar, obor, pelita, bara api, lampu dan sebagainya di dunia ini tidak digunakan oleh manusia semata-mata untuk disembah. Malah faedah dan kegunaannya untuk memenuhi keperluan hidup manusia sangat banyak sehingga melenyapkan langsung kedudukannya sebagai objek sembah. Ia berbeza sama sekali daripada berhala atau lain-lain objek yang dibuat khusus untuk dijadikan

٤١٣ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ قَالَ انْخَسَفَتِ الشَّمْسُ فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ أُرِيتُ النَّارَ فَلَمْ أَرْ مَنْظَرًا كَالْيَوْمِ قَطُّ أَفْظَعَ

413- 'Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Zaid bin Aslam daripada Athaa' bin Yasaar daripada 'Abdillah bin 'Abbaas katanya: "Pernah berlaku gerhana matahari. Rasulullah s.a.w. pun bersembahyang kemudian Baginda bersabda: "Ditunjukkan kepadaku neraka. Tidak pernah sama sekali kulihat suatu pemandangan yang lebih dahsyat seperti hari ini."<sup>606</sup>

### بَابُ كَرَاهِيَةِ الصَّلَاةِ فِي الْمَقَابِرِ

#### 25- Bab Larangan Bersembahyang Di Perkuburan.<sup>607</sup>

sembahan. Selain disembah dan dipuja, bukankah tidak ada lagi faedah duniawi atau manfa'at yang lain diketahui ada pada berhala-berhala itu?!

<sup>606</sup> Hadits Ibnu 'Abbaas ini adalah secebis daripada haditsnya yang panjang. Imam Bukhari sendiri akan mengemukakannya dengan panjang lebar di dalam أبواب صلاة الكسوف nanti. Di dalamnya juga Imam Bukhari akan mengemukakan hadits Asmaa' yang lebih kurang sama mafhumnya dengan hadits Ibnu 'Abbaas ini. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Gerhana matahari pernah berlaku di zaman Nabi s.a.w. (2) Sembahyang gerhana matahari merupakan salah satu sunnah Nabi s.a.w. (3) Neraka dan syurga sudah pun diciptakan oleh Allah dan sudah pun ada dengan sempurna. (4) Antara mu'jizat Rasulullah s.a.w. ialah dapat melihat syurga dan neraka dengan mata kepalanya semasa di dunia ini lagi. Syurga dan neraka telah diperlihatkan beberapa kali kepada Beliau s.a.w. semasa hayatnya. (5) Tidak makruh bersembahyang dengan menghadap api di arah qiblat, asalkan sembahyang itu dikerjakan dengan ikhlas kerana Allah semata-mata. (6) Neraka adalah tempat hukuman yang sangat dahsyat.

<sup>607</sup> Melalui bab ini Imam Bukhari mahu menyatakan pendapatnya dan pendapat kebanyakan 'ulama' berhubung dengan larangan Rasulullah s.a.w. daripada bersembahyang di atas kubur. Semua pihak menerimanya. Mereka cuma berbeza dalam darjat larangan dan maksudnya sahaja. Bagi beliau semua sembahyang selain sembahyang jenazah selepas dikebumikan mayat di kubur adalah dilarang. Ini juga pendapat Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama'. Cuma Ahmad, Abu Tsaur, Ishaq dan Ahlu az-Zahir mengatakan larangan itu adalah larangan haram. Tidak kira sama ada kubur itu sudah dibongkar dan dibersihkan atau tidak, bersembahyang dengan berlapik atau tidak, betul-betul di atas kubur atau di kawasan perkuburan yang tidak ada kubur atau di atas sesuatu binaan di atas kubur, kubur orang-orang Islam atau orang-orang kafir. Semuanya haram. Abu Hanifah, Sufyan ats-Tsauri dan al-Auzaa'i mengatakan makruh. Syafi'e pula membezakan antara kubur yang sudah dibongkar dan dibersihkan dengan yang tidak dibongkar dan dibersihkan. Bagi beliau sembahyang harus dan sah dikerjakan di kubur yang sudah dibongkar dan dibersihkan. Ia hanya tidak harus dan tidak sah dikerjakan di kubur yang kotor dan bersepah-sepah dengan kekotoran dan tulang-belulang mayat. Imam Malik pula dikatakan mempunyai dua pendapat dalam masalah ini. Pertama: Tidak mengapa bersembahyang di kubur. Kedua: Sembahyang di kubur adalah makruh. Oleh kerana terdapat banyak sekali hadits sahih yang melarang daripada bersembahyang di atas kubur, Bukhari memutuskan hukum dalam masalah ini. Bagi beliau bersembahyang di atas kubur adalah di antara makruh dan haram. Dalam setengah-setengah kes ia hanya makruh. Dalam setengah-setengah kes pula ia mungkin haram. Penggunaan perkataan كراهية (larangan) di dalam tajuk bab di atas merangkumi ma'na makruh dan haram kedua-duanya sekali menurut istilah 'ulama' mutaqaaddimin. Di bawah Bab:21 yang lalu saya telah kemukakan beberapa hadits berhubung dengan larangan bersembahyang di atas kubur. Antaranya ialah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

٤١٤ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْعَلُوا فِي بُيُوتِكُمْ مِنْ صَلَاتِكُمْ وَلَا تَتَّخِذُوهَا قُبُورًا

414- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Ubaidillah bin 'Umar, katanya: Naafi' meriwayatkan kepadaku daripada Ibni 'Umar daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: "Tunaikanlah sebahagian daripada sembahyangmu di rumah.<sup>608</sup> Janganlah kamu jadikannya kubur."<sup>609</sup>

الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدٌ إِلَّا الْمَقْبَرَةَ وَالْحَمَّامَ Bermaksud: Bumi ini semuanya adalah masjid (tempat yang boleh dikerjakan sembahyang) kecuali perkuburan dan bilik mandi. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Syafi'e, Darimi, Ibnu Majah, Hakim, Ibnu Khuzaimah, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain). Hafiz Ibnu Hajar berkata: Imam Bukhari menyimpulkan daripada sabda Nabi s.a.w. di dalam hadits di bawah tajuk bab di atas yang berbunyi: اجْعَلُوا فِي بُيُوتِكُمْ مِنْ صَلَاتِكُمْ وَلَا تَتَّخِذُوهَا قُبُورًا Bermaksud: "Tunaikanlah sebahagian daripada sembahyangmu di rumah. Janganlah kamu jadikannya kubur." bahawa kubur bukan tempat beribadat. Maka makruhlah bersembahyang di kubur. Beliau semacam mengisyaratkan bahawa hadits marfu' Abu Sa'id al-Khudri itu tidak menepati syaratnya."

<sup>608</sup> Para 'ulama' berbeza pendapat tentang apa yang dimaksudkan dengan sebahagian daripada sembahyangmu itu dan apakah tujuan Baginda s.a.w. menyuruh sebahagian daripada sembahyang dikerjakan di rumah. (1) Sembahyang yang dimaksudkan itu ialah sembahyang sunat. Hakikat ini dapat difahami daripada hadits Jabir berikut ini: إِذَا قَضَى أَحَدُكُمْ الصَّلَاةَ فِي مَسْجِدِهِ فَلْيَجْعَلْ لِبَيْتِهِ نَصِيبًا مِنْ صَلَاتِهِ فَإِنَّ اللَّهَ جَاعِلٌ فِي بَيْتِهِ مِنْ صَلَاتِهِ خَيْرًا Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu selesai bersembahyang (fardhu) di masjidnya, dia hendaklah menyediakan pula untuk rumahnya sedikit habuan berupa sembahyang (dengan mengerjakan sembahyang sunat di rumahnya). Allah benar-benar akan meletakkan kebaikan (keberkatan) di dalam rumahnya dengan sebab sembahyangnya itu. (Muslim, Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan Ibnu Abi Syaibah). Ia juga dapat difahami daripada hadits Zaid bin Tsabit ini: صَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ فَإِنَّ أَفْضَلَ صَلَاةِ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ Bermaksud: Bersembahyanglah di rumah-rumahmu wahai sahabat-sahabatku. Kerana sesungguhnya sembahyang seseorang yang paling afdhal (utama) ialah yang dikerjakan di rumah kecuali sembahyang fardhu. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abd bin Humaid dan lain-lain). Antara tujuan Rasulullah s.a.w. menyuruh sembahyang sunat di kerjakan di rumah ialah i- Ia lebih menyelamatkan seseorang daripada riyaa' (sifat menunjuk-nunjuk atau sifat suka kalau kebajikan yang dibuat dilihat orang). ii- Rumah akan mendapat berkat. iii- Rahmat dan para malaikat akan turun ke dalam rumah. iv- Syaitan-syaitan akan cabut lari dari rumah dengan sebabnya dan lain-lain. Tetapi sembahyang-sembahyang sunat yang merupakan syi'ar terbuka Islam seperti sembahyang dua hari raya, sembahyang gerhana (matahari atau bulan), sembahyang meminta hujan dan sembahyang tarawih lebih afdhal ditunaikan di masjid atau di mushalla. Begitu juga dengan sembahyang sunat yang tidak dapat tidak mesti ditunaikan di masjid seperti tahiyatu al-masjid atau sembahyang sunat yang disunatkan mengerjakannya di masjid seperti sembahyang dua raka'at thawaf dan ihram dan sembahyang sunat apabila pulang daripada perjalanan (musafir). Semua ini dikecualikan daripada perintah Nabi s.a.w. di dalam hadits-hadits tersebut di atas kerana walaupun ia sunat, namun mengerjakannya di masjid atau di mushalla adalah lebih afdhal. Rasulullah s.a.w. sendiri mengerjakan sembahyang sunat di rumahnya. Kalaupun terdapat di dalam sesetengah riwayat menunjukkan Baginda s.a.w. mengerjakan sembahyang sunat di masjid, misalnya sembahyang sunat dua raka'at selepas Maghrib, maka itu tidak lebih daripada sekadar menyatakan keharusan semata-mata. (2) Sesetengah 'ulama' mengatakan sembahyang yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya dikerjakan di rumah itu bukan khusus dengan sembahyang sunat sahaja, tetapi ia merangkumi juga sembahyang fardhu. Sabda Rasulullah s.a.w. "Tunaikanlah sebahagian daripada sembahyangmu di rumah" itu boleh bererti sebahagian daripada sembahyang fardhumu di rumah dalam keadaan-keadaan yang menghendaki kamu bersembahyang di rumah seperti ketika kamu sakit, hujan lebat, banjir, banyaknya perkara bid'ah berlaku di masjid dan sebagainya. Ia juga boleh bererti supaya orang-orang perempuan, hamba sahaya, orang-orang sakit dan lain-lain yang berada di rumah dapat mengikutimu atau berimam denganmu di rumah.

<sup>609</sup> Larangan Rasulullah s.a.w. agar rumah tidak dijadikan kubur itu mengandungi beberapa maksud berikut ini: (1) Umat Islam dituntut agar tidak menjadikan rumah seperti kubur yang bukan merupakan tempat untuk beribadat dan bershalat. Jika bershalat di kubur dilarang, bershalat di rumah pula bukan dilarang malah dituntut dan dianjurkan. (2)

بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَوَاضِعِ الْحَسْفِ وَالْعَذَابِ وَيُذَكَّرُ أَنَّ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَرِهَ الصَّلَاةَ بِحَسْفِ بَابِلَ

26- Bab Bersembahyang Di Kawasan Tanah Runtuh Dan Di Kawasan Yg Pernah Ditimpa `Azab.<sup>610</sup> Tersebut Bahawa `Ali R.A. Tidak Suka Bersembahyang Di Kawasan Tanah Runtuh Babilon.<sup>611</sup>

Rumah tidak seharusnya dijadikan seperti kubur yang kosong daripada zikrillah dan keta'atan kepada Allah. (3) Adalah tidak patut menjadikan rumah sebagai kubur untuk dikebumikan orang-orang mati. Kerana ia akan membuatkan orang-orang yang tinggal di rumah itu berduka nestapa secara berpanjangan. (4) Tidak patut juga membuat rumah di perkuburan. Kerana apabila seseorang membuat rumah di kubur, dia tidak akan dapat bersembahyang di dalamnya kerana Rasulullah s.a.w. telah pun melarang daripada bersembahyang di kubur sama ada di atas kubur secara langsung atau di dalam rumah yang dibangunkan di atasnya. (5) Tidak boleh menjadikan kubur sebagai tempat tinggal. Kerana dengan berbuat begitu, akan hilanglah rasa takutkan mati dari hati seseorang. Kematian akan menjadi sesuatu yang biasa dan lumrah saja kepadanya. Apa yang perlu hanyalah pergi menziarahi kubur. Selepas itu pulang saja ke rumah dengan penuh keinsafan dan kesedaran. (6) Orang yang telah mati tidak dapat bersembahyang di dalam kuburnya. Kenapa kamu yang masih hidup tidak bersembahyang di rumahmu? Seolah-olahnya kamu sudah mati dan sedang berada di dalam kubur atau kamu menganggap rumahmu kubur! (7) Rumah tidak seharusnya dijadikan tempat untuk tidur semata-mata, sepatutnya rumah juga dijadikan sebagai tempat bersembahyang. Tidur seseorang manusia di dunia ini merupakan gambaran permulaan untuk kematiannya. Sebagaimana ketika tidur seseorang tidak dapat melakukan apa-apa, begitulah juga apabila mati. Seseorang yang telah mati tidak dapat melakukan apa-apa, sembahyang pun tidak dapat. (8) Orang yang tidak bersembahyang di rumahnya, semacam menganggap dirinya telah mati. Rumahnya tak ubah seperti kuburnya. (9) Rumah tidak sayogiannya dibuat seperti kubur, di mana makanan dan minuman tidak dihidangkan oleh orang-orang yang telah mati kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke kuburnya.

<sup>610</sup> Bab ini diadakan Bukhari untuk membincangkan hukum bersembahyang di kawasan tanah runtuh dan di kawasan yang pernah ditimpa `azab Allah. Kebanyakan (jumhur) `ulama' berpendapat hukum bersembahyang di kawasan-kawasan itu adalah makruh. Golongan Zahiriyah, al-Aamidi dan Abu al-Wafaa' Ibnu `Aqil al-Hambali berpendapat sembahyang di kawasan-kawasan itu jika dilakukan dalam keadaan tidak menangis adalah haram dan tidak sah. Pendapat golongan dikatakan kuat oleh Ibnu Taimiyyah r.a. Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari mengatakan Bukhari sependapat dengan jumhur `ulama' dalam masalah ini. Tetapi Syeikhul hadits Maulana Muhammad Zakariya di dalam Taqrir Bukhari mengatakan: "Bukhari berpendapat harus (tanpa makruh) bersembahyang di kawasan tanah runtuh dan di kawasan yang pernah ditimpa `azab Allah." Alasan jumhur `ulama' dan kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari yang mengatakan Bukhari sependapat dengan jumhur `ulama' dalam masalah ini ialah atsar `Ali di dalam tarjamatul bab di atas dan hadits di bawahnya. Nabi s.a.w. melarang umatnya memasuki tempat-tempat seperti itu kecuali dalam keadaan menangis. Dibimbangi jika mereka masuk atau pergi ke tempat-tempat yang pernah ditimpa `azab Allah itu dalam keadaan tidak menangis, mereka juga akan ditimpakan `azab yang sama. Pergi dan masuk saja ke tempat itu sudah dilarang oleh Rasulullah s.a.w. Bagaimana kalau berada lama atau menetap di situ? Tentulah lebih-lebih lagi di larang. Mungkinkah seseorang yang menetap di situ menangis sepanjang masa demi menjunjung perintah Nabi s.a.w.? Dan apabila seseorang Islam berada lama di sesuatu tempat yang pernah ditimpa `azab, tentu dia akan bersembahyang. Sembahyang yang ditunaikan pula dikehendaki dalam keadaan menangis. Dalam keadaan itu apa yang lebih penting dijaganya? Sembahyangnya atau menangis? Menangis kerana mengenangkan nasib malang yang telah menimpa orang-orang yang berada di tempat itu sekian lama dahulu tidakkah akan mengganggu tumpuan seseorang terhadap sembahyangnya? Itulah sebabnya kebanyakan `ulama' mengatakan makruh bersembahyang di tempat atau di kawasan yang pernah ditimpa `azab Allah. Pendapat golongan Zahiriyah dan orang-orang yang sehaluan dengan mereka langsung tidak masuk `aql, kerana menangis ketika bersembahyang di kawasan yang pernah ditimpa `azab Allah seolah-olahnya menjadi rukun sembahyang pula di sisi mereka. Padahal menangis di dalam sembahyang bukan kerana takut kepada Allah atau bukan kerana tumpuan penuh terhadap sembahyang itu sendiri adalah dilarang. Malah mengikut sesetengah `ulama' ia boleh membatalkan

sembahyang. Kerana sukar dipraktikkan, pendapat ini juga akan mendorong orang-orang pemalas untuk terus tidak bersembahyang. Alasan Syeikh Zakariya mengatakan Bukhari berpendapat harus tanpa makruh bersembahyang di kawasan-kawasan seperti itu ialah memandangkan prinsip asas yang dipegang Bukhari berhubung dengan tempat-tempat sembahyang. Prinsip asas yang merupakan pegangan Bukhari dalam masalah ini ialah hadits Rasulullah s.a.w. *وجعلت لي الأرض مسجدا وطهورا* Bermaksud: Bumi ini dijadikan untukku sebagai masjid (tempat untuk bersembahyang) dan bahan bersuci. Bagi Bukhari hadits ini adalah antara yang paling kuat berkenaan dengan tempat sembahyang. Selagi tidak ada dalil lain sekuat hadits ini, ia tidak boleh dipandang sepi apalagi diketepikan sama sekali. Berpandukan hadits ini bolehlah dikatakan bahawa pada dasarnya semua muka bumi harus dijadikan tempat sembahyang, kecuali kalau ia kotor atau boleh membawa kepada kesyirikan. Hadits-hadits berikut ini umpamanya, masih lagi dipertikaikan kesahihannya, iaitu: (1) *الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدٌ إِلَّا الْمَقْبَرَةُ وَالْحَمَامُ* Bermaksud: "Bumi ini semuanya adalah masjid (tempat yang boleh dikerjakan sembahyang) kecuali perkuburan dan bilik mandi." (2) *نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُصَلَّى فِي سِنَعِ مَوَاطِنِ الْمَزْبَلَةِ وَالْمَجْزَرَةِ وَالْمَقْبَرَةِ وَقَارِعَةِ الطَّرِيقِ وَالْحَمَامِ وَمَغَاطِنِ اللَّيْلِ وَفَوْقَ ظَهْرِ نَيْتِ اللَّهِ* Bermaksud: Nabi s.a.w. melarang daripada dikerjakan sembahyang pada tujuh tempat iaitu di tempat pembuangan sampah, tempat sembelihan binatang, perkuburan, di tengah jalan, di tempat mandi air panas, di kandang unta dan di atas bumbung Baitillah. (Hadits riwayat Tirmizi, Ibnu Majah, Baihaqi dan lain-lain). Imam Tirmizi dan lain-lain tokoh hadits, termasuk Imam Bukhari sendiri menganggap hadits-hadits itu dha'if dan munkar. Jika diandaikan ia sahih sekalipun, tidaklah ia setaraf dengan hadits yang menjadi pegangan Bukhari itu. Kalau dilihat pula kepada sebab-sebab kenapa tempat-tempat itu dilarang Nabi s.a.w. bersembahyang, niscaya akan jelas bahawa ia bukan semata-mata kerana bernama tempat itu tetapi kerana sesuatu yang lain. Sebagai contohnya, larangan bersembahyang di tempat pembuangan sampah dan di tempat sembelihan binatang, bukanlah kerana semata-mata ia adalah tempat pembuangan sampah dan tempat sembelihan binatang tetapi kerana pada kebiasaannya tempat-tempat itu kotor. Bagaimana kalau tempat-tempat itu bersih? Apakah tidak mungkin sama sekali tempat-tempat itu dibersihkan? Memanglah dengan mengemukakan atsar 'Ali, Imam Bukhari nampak semacam menerimanya dan menganggap bersembahyang di tempat-tempat seperti itu makruh. Tetapi jika diteliti betul-betul, sebenarnya masih belum jelas lagi Imam Bukhari berpendapat seperti jumhur 'ulama'. Jika diambil kira sighth tamridh yang diguna Bukhari apabila menukikan atsar 'Ali dan diambil kira juga hadits Nabi s.a.w. di bawahnya yang langsung tidak ada menyebutkan tentang larangan bersembahyang di kawasan orang-orang yang ditimpa azab Allah, niscaya dapat difahami pendapat Bukhari yang sebetulnya seperti kata Syeikh Zakariya iaitu tidak makruh bersembahyang di tempat-tempat itu. Dalil yang terang menunjukkan makruh sebenarnya tidak ada. Perkataan العذاب ('azab) yang disebutkan selepas perkataan الخسف (tanah runtuh) termasuk di bawah qaedah "Menyebutkan umum selepas khas" (من باب ذكر العام بعد الخاص), kerana tanah runtuh merupakan salah satu bentuk 'azab Allah s.w.t. 'Azab berupa tanah runtuh diambil Bukhari daripada atsar 'Ali dan 'azab dalam ertinya yang lebih umum diambil beliau daripada perkataan الْمُعَذِّبِينَ (orang-orang yang ditimpakan 'azab) yang tersebut di dalam hadits di bawahnya.

<sup>611</sup> Atsar 'Ali yang dikemukakan secara ta'liq dengan sighth tamridh ini telah diriwayatkan oleh 'Abdur Razzaaq dan Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannaf mereka masing-masing daripada Sufyan ats-Tsauri daripada 'Abdillah bin Syarik daripada 'Abdullah bin Abi al-Muhill al-'Aamiri, katanya: *مررتا مع علي بالخسف الذي ببابل فكره أن يصلي فيه حتى ما كنت لأصلي في أرض* Bermaksud: Kami lalu bersama 'Ali di kawasan tanah runtuh Babilon. Dia tidak suka bersembahyang di situ. Dia baru bersembahyang setelah melepaskannya. Melalui saluran riwayat yang lain 'Ali berkata: *خسف الله بها ثلاث مرات* Bermaksud: Saya tidak akan bersembahyang di bumi (tanah) yang Allah telah runtuhkan. (Beliau berkata begitu) Tiga kali. Abu Daud dan Baihaqi juga ada meriwayatkan melalui saluran riwayat yang lain daripada 'Ali secara marfu', katanya: *إن خبيبي صلى الله عليه وسلم نهاني أن أصلي في المقبرة ونهاني أن أصلي في أرض بابل فإنها ملعونة* Bermaksud: Sesungguhnya kekasihku (Rasulullah) s.a.w. telah melarang aku daripada bersembahyang di perkuburan. Dia juga telah melarang aku daripada bersembahyang di bumi Babilon kerana sesungguhnya ia adalah (bumi) terkutuk. Ketiga-tiga riwayat ini adalah dha'if. Yang ketiga daripadanya sangat dha'if. Di dalam sanad riwayat yang pertama terdapat perawi dha'if, bahkan pendusta besar mengikut al-Jauzajaani dan as-Sa'di iaitu 'Abdillah bin Syarik. Dia adalah seorang Mukhtaari (pengikut Mukhtar bin Abi 'Ubaid ats-Tsaqafi yang sesat). Riwayat yang kedua baik sedikit daripada yang pertama tetapi di dalam sanadnya juga terdapat perawi yang dipertikaikan oleh Bukhari. Al-'Uqaili menyenaraikannya sebagai perawi dha'if. Dia ialah al-Mughirah bin Abi al-Hurr al-Kindi. Riwayat Abu Daud lebih teruk daripada kedua-dua riwayat sebelumnya. Untuk lebih jelas lihatlah isnadnya ini:

*حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ لَهْيَعَةَ وَيَحْيَى بْنُ أَزْهَرَ عَنْ عَمَّارِ بْنِ سَعْدٍ الْمُرَادِيِّ عَنْ أَبِي صَالِحٍ الْغِفَارِيِّ أَنَّ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ* Di dalam riwayat kedua Abu Daud, di tempat 'Ammaar bin Sa'ad tersebut Hajjaaj bin Syaddaad. Para 'ulama' hadits sepakat mengatakan isnad hadits ini dha'if. Demikian kata Ibnu 'Abdil Barr di dalam at-Tamhid. Hadits ini selain munqathi' kerana Abi Saleh al-Ghifaari tidak sempat mendengar apa-apa daripada 'Ali, 'Ammaar, Yahya dan

٤١٥ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَدْخُلُوا عَلَى هَؤُلَاءِ الْمُعَذِّبِينَ إِلَّا أَنْ تَكُونُوا بَاكِينَ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا بَاكِينَ فَلَا تَدْخُلُوا عَلَيْهِمْ لَا يُصِيبُكُمْ مَا أَصَابَهُمْ

415- Ismail bin `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepadaku daripada `Abdillah bin Dinar daripada `Abdillah bin `Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jangan kamu memasuki kawasan orang-orang yang ditimpakan `azab kecuali dalam keadaan kamu menangis. Sekiranya kamu tidak dapat menangis, janganlah pergi ke situ supaya kamu tidak ditimpa `azab seksaan yang telah menimpa mereka.”<sup>612</sup>

Hajjaaj adalah perawi-perawi majhul. Ibnu Lahi`ah dan Yahya bin Azhar pula adalah dua orang perawi yang dha`if. Kerana itulah Bukhari hanya mengemukakannya secara ta`liq dengan sighah tamridh sahaja. Riwayat-riwayat seperti ini sama sekali tidak dapat menandingi riwayat yang menjadi pegangan Bukhari. Ia selayaknya diketepikan kerana bercanggah dengan riwayat-riwayat lain yang sahih.

<sup>612</sup> Di bawah باب نُزُولِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحِجْرِ Bukhari meriwayatkan hadits ini, juga daripada Ibnu `Umar dengan sedikit perbezaan pada lafaznya. Dengan berpandukannya dapat diketahui apakah nama tempat yang telah ditimpakan `azab itu. Lihat teksnya ini:

لَمَّا مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحِجْرِ قَالَ لَا تَدْخُلُوا مَسَاكِينَ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ أَنْ يُصِيبَكُمْ مَا أَصَابَهُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونُوا بَاكِينَ ثُمَّ قَنَعَ رَأْسُهُ وَأَسْرَعَ السَّيْرَ حَتَّى أَجَاَزَ الْوَادِي

Bermaksud: Apabila Nabi s.a.w. lalu di Hijr, Beliau s.a.w. bersabda: “Janganlah kamu masuk ke tempat-tempat orang-orang yang telah menzalimi diri mereka, kerana dibimbangi apa yang telah menimpa mereka akan menimpa kamu juga kecuali dalam keadaan kamu menangis.” Kemudian Beliau s.a.w. menudung kepalanya lalu berjalan dengan cepat sehingga melepasi lembah itu. Al-Hijr ialah negeri kaum Nabi Saleh a.s. yang lebih dikenali dengan kaum Tsamud. Ia terletak di sebelah utara Madinah. Jaraknya dari madinah ialah sejauh 347km. Peristiwa lalunya Nabi s.a.w. di Hijr ini berlaku ketika beliau dalam perjalanan ke Tabuk. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Larangan berada dengan leka dan lalai di tempat-tempat yang pernah ditimpa `azab Allah. (2) Manusia sepatutnya mengambil i`tibar dan mendapat pengajaran daripada sejarah buruk yang pernah menimpa nenek moyang mereka. (3) Manusia sepatutnya berfikir bahawa generasi dahulu yang telah ditimpakan `azab itu sama juga dengan mereka. Kalaulah orang-orang dahulu boleh ditimpa `azab kerana derhaka kepada Allah dan rasulNya, apalah lebihnya generasi kemudian yang melanggar perintah Allah dan rasulNya, sehingga mereka berasa terjamin daripada `azab Allah! (4) Secara logik dapat diterima bahawa sesuatu tempat yang pernah ditimpa malapetaka satu kali, lebih mudah untuk ditimpa malapetaka yang sama pada kali yang lain. (5) Manusia kadang-kadang terlupa bahawa di sebalik kegembiraan dan keseronokan yang mereka ni`mati, sebenarnya terdapat banyak sekali sebab-sebab yang boleh membawa mereka kepada keduakaan dan kemusnahan. (6) Tidak patut sama sekali orang-orang Islam pergi bersiar-siar ke tempat-tempat yang pernah ditimpa `azab Allah dan menetap pula di sana selama beberapa hari, semata-mata untuk mencari barang-barang peninggalan zaman purba atau melihat monumen-monumen bersejarahnya. Perbuatan seperti ini sebenarnya bercanggah dengan sunnah Nabi s.a.w. (7) Larangan pergi ke tempat-tempat yang telah diketahui tidak selamat atau terdedah kepada bahaya. (8) Tidak wajar kita pergi bersuka ria di tempat-tempat yang sepatutnya kita pergi bersedih dan mengambil pengajaran. (9) Tidak terdapat satu pun hadits sahih melarang bersembahyang di kawasan-kawasan yang pernah ditimpa `azab Allah. Yang ada di dalam hadits-hadits sahih hanyalah larangan berada di kawasan-kawasan itu dalam keadaan leka dan lalai.